



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR

- ☐ BERITA HARIAN
- ☐ UTUSAN MALAYSIA
- ☐ HARIAN METRO
- ☐ NEW STRAITS TIMES
- ☐ THE STAR

Khamis 14.09.2023 | Harian Metro

TARIKH

WANITA DAKWA KELUARGA
BESAN TAK BERSOLAT, MAIN JUDI

'Didikan agama sudah berlaku di negeri Johor lebih dari 100 tahun'

Johor Bahru: Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri Johor, Mohd Fared Mohd Khalid menafikan dakwaan pemilik akaun Facebook Nafsah Madano mendakwa bangsa Johor masih bermain judi dan tidak solat.

Ia susulan tular tuduhan seorang wanita di media sosial yang mendakwa keseluruhan keluarga besannya di Johor tidak bersolat, sekali gus dikaitkan dengan sikap dan perangai Melayu Johor.

Jelas Mohd Fared, sifat buruk sangka dan menyebarkan perkara seumpama itu perlu dijauhkan.

Katanya, sekiranya benar berlaku (judi dan tidak solat) Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIN) bersedia bertemu dengan keluarga besan wanita itu untuk memberi nasihat secara berhikmah.

"Kalau pun ia berlaku (tidak solat) kepada keluarga besan puan terbit, saya amat bersedih dan ia perkara amat dikesali.

"Namun perbuatan menyebarkan perkara itu, sudah pasti tidak menguntungkan sesiapa bahkan mungkin hanya mendatangkan malu.

"Ya benar, puan sudah pun memohon maaf, dan sebagai Bangsa Johor, saya mengajak semua Melayu Johor kita maafkanlah kesilapannya. Nasihat saya, mohonlah juga taubat dan

keampunan dari Allah SWT," katanya semalam.

Menurut Mohd Fared, orang Melayu Johor sudah diajar dengan ilmu agama



Namun perbuatan menyebarkan perkara itu, sudah pasti tidak menguntungkan sesiapa bahkan mungkin hanya mendatangkan malu"

Mohd Fared

sejak kecil.

Katanya, didikan agama sudah berlaku di negeri ini lebih 100 tahun mengikut usia pendidikan Agama Islam di Johor.

"Sehingga kini pendidikan Agama Islam diurus sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Johor seawal pendidikan awal kanak-kanak menerusi Tadika Agama Johor (TAJ).

"Kemudiannya ke peringkat Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Johor. Ia dilaksanakan pada sebelah petang selepas tamat sesi pembelajaran di Sekolah Kebangsaan dari darjah satu sehingga darjah enam. Dan ia diwajibkan kepada semua anak-anak Bangsa Johor.

"Tidak cukup dengan itu, anak-anak kita yang berjaya menamatkan pengajian agama di darjah enam, digalakkan untuk meneruskan pengajian agama mereka ke Darjah Khas.

"Pendidikan Agama Islam di Johor tidak terhenti di situ sahaja apabila pengajian peringkat tinggi turut disediakan melalui Kolej Pengajian Islam Johor (Marsah) yang kini sudah dinaiktaraf kepada Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI)," katanya.

